



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PKP : KPLB TERAJU INSENTIF TINGKATKAN PENDAPATAN PENDUDUK LUAR BANDAR

Putrajaya, 19 Januari 2021 – Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh 14 hari bermula pada 13 Januari sehingga 26 Januari 2021 dan Pengumuman YAB Perdana Menteri pada 18 Januari 2021 berkenaan Pakej Bantuan Khas, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) mengambil inisiatif untuk meneruskan program pembangunan ekonomi dan keusahawanan bagi golongan miskin, miskin tegar dan B40 luar bandar pada tahun 2021.

Di bawah **Program Peningkatan Pendapatan (PPP)** dan **Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB@KPLB)**, KPLB menasarkankan 700 penerima di bawah Program PPP. Manakala 250 orang usahawan akan dibantu di bawah Program SPKLB.

KPLB juga akan merancang penglibatan usahawan luar bandar dalam platform digital melalui **Program DesaMall@KPLB**. Sebanyak RM4 juta diperuntukkan bagi program ini yang akan memberi manfaat kepada 1,500 usahawan desa.

Program Ekonomi berkelompok seperti **Program Desa Lestari** juga akan diteruskan. KPLB menasarkankan 11 buah kampung lagi yang akan dibangunkan dengan peruntukan berjumlah RM10 juta. Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih daripada 2,200 penduduk kampung di seluruh negara.

Dalam menyahut seruan YAB Perdana Menteri untuk meringankan beban rakyat dalam tempoh PKP ini dan bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan lebih menyeluruh, lima (5) agensi di bawah KPLB iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) telah bersetuju memberi moratorium seperti berikut:

i. MARA

- Penangguhan pembayaran pinjaman bersasar kepada 10,000 orang bekas pelajar dengan implikasi kewangan sebanyak RM4 juta.
- Penangguhan pembiayaan perniagaan bersasar 1,500 orang usahawan dengan implikasi kewangan sebanyak RM4.8 juta.
- Diskaun sewaan kepada 5,500 orang penyewa premis perniagaan MARA melibatkan nilai diskaun sebanyak RM6.6 juta.
- Dianggarkan seramai 17,000 usahawan dan peminjam pelajaran MARA bakal mendapat manfaat dengan keseluruhan bantuan bersasar dan diskaun sewaan mencecah RM15.4 juta.

ii. PERDA

- Penangguhan dan penjadualan semula bayaran balik skim pinjaman PERDA melibatkan seramai 98 peminjam dengan implikasi kewangan sebanyak RM130 ribu.
- Pengecualian bersasar bayaran sewaan premis perniagaan PERDA melibatkan seramai 368 penyewa premis dengan implikasi kewangan sebanyak RM341 ribu.

- Pengecualian bersasar bayaran sewaan tanah milik PERDA melibatkan seramai 54 penyewa tanah dengan implikasi kewangan sebanyak RM73 ribu.
- Pengecualian sewaan rumah PPRT Tok Alang, Seberang Perai Utara melibatkan seramai 55 penyewa miskin dengan implikasi kewangan sebanyak RM17 ribu.
- Dianggarkan seramai 575 penyewa / peminjam akan menerima manfaat yang melibatkan jumlah keseluruhan implikasi kewangan iaitu sebanyak RM561 ribu.

iii. KEJORA

- Penangguhan bayaran sewa rumah-rumah kampung tersusun melibatkan seramai 124 penyewa dengan implikasi kewangan sebanyak lebih RM61 ribu.
- Penangguhan bayaran balik pinjaman bagi 58 unit Rumah Pangsa Bandar Tenggara dengan implikasi kewangan sebanyak lebih RM34 ribu.
- Pengecualian bersasar bayaran sewaan premis 3 unit bangunan komersial/ tapak perniagaan KEJORA dengan implikasi kewangan berjumlah lebih RM14 ribu.
- Pengecualian bersasar bayaran sewaan premis perniagaan KEJORA melibatkan seramai 285 peniaga/ usahawan dengan implikasi kewangan sebanyak lebih RM248 ribu.
- Penangguhan dan penjadualan semula bayaran sewaan premis pelancongan melibatkan 4 operator premis pelancongan dengan implikasi kewangan sebanyak lebih RM326 ribu.

- Dianggarkan seramai 474 penyewa / peminjam akan menerima manfaat yang melibatkan jumlah keseluruhan implikasi kewangan iaitu sebanyak lebih RM685 ribu.

iv. KESEDAR

- Penangguhan dan penjadualan semula bayaran balik Skim Pinjaman KESEDAR melibatkan 387 usahawan KESEDAR melibatkan jumlah bayaran RM142 ribu.
- Pengecualian bayaran sewaan premis KESEDAR untuk 207 peniaga / usahawan meliputi jumlah bayaran sebanyak RM145 ribu.
- Syarat pemberian insentif bersasar KESEDAR adalah dengan mengemukakan permohonan moratorium, tiada tunggakan sewaan / bayaran balik dalam tempoh 3 bulan terakhir dan perniagaan terkesan / terjejas dengan Pandemik Covid-19 yang ketara iaitu 50% atau lebih.
- Dianggarkan akan memberi manfaat kepada 594 usahawan dengan implikasi kewangan sebanyak RM287 ribu.

KETENGAH

- Pengecualian penyewaan premis perniagaan dan rumah kediaman KETENGAH selama enam (6) bulan kepada 1,042 peniaga / usahawan / penyewa rumah dengan implikasi kewangan sebanyak lebih RM758 ribu.
- Penangguhan bayaran sewa beli rumah kediaman KETENGAH selama enam (6) bulan melibatkan 201 pembeli rumah KETENGAH dengan implikasi kewangan sebanyak lebih RM344 ribu.
- Dianggarkan seramai 1,243 peniaga / usahawan / penyewa, bakal menerima manfaat melibatkan jumlah keseluruhan implikasi kewangan iaitu sebanyak RM1.1 juta.

Kementerian berharap dengan pelaksanaan program-program serta moratorium ini, beban masyarakat luar bandar dalam mendepani pandemik COVID-19 dan PKP dapat diringankan.

-Tamat-

Datuk Dr Abd Latiff Ahmad
Menteri Pembangunan Luar Bandar
Putrajaya

19 JANUARI 2021

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945, Faks: 03-8888 2367 Emel: ukk@rurallink.gov.my